



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

Selepas 44 Tahun, Penyelesaian Rumah Panjang Bukit Kiara Akhirnya Direalisasikan

15 Jun 2026

1. Penantian selama 44 tahun penduduk Rumah Panjang Bukit Kiara untuk mendapatkan perumahan yang dijanjikan akhirnya memasuki fasa penyelesaian dengan pelaksanaan pembangunan rumah ganti yang dimulakan hari ini.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim atas komitmen beliau dalam memastikan isu yang telah berlarutan merentasi beberapa pentadbiran ini dapat diselesaikan secara tuntas. Pendirian Kerajaan MADANI yang menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan, memelihara Taman Rimba Kiara dan pada masa yang sama memastikan kebajikan penduduk terus terbela telah memungkinkan penyelesaian ini direalisasikan.
3. Pembangunan ini membuktikan bahawa keperluan perumahan rakyat dan pemeliharaan alam sekitar boleh dilaksanakan secara seiring melalui pendekatan yang mengutamakan kepentingan awam dan kesejahteraan komuniti.
4. Sejak tahun 2018, saya bersama penduduk Rumah Panjang Bukit Kiara, Persatuan Penduduk Taman Tun Dr Ismail, Friends of Bukit Kiara (FOBK), wakil komuniti dan pelbagai pihak berkepentingan telah memperjuangkan penyelesaian yang memastikan penduduk mendapat perumahan yang bermaruah tanpa mengorbankan pemeliharaan Taman Rimba Kiara.
5. Penyelesaian yang dicapai hari ini bukan berlaku dalam sehari. Ia merupakan hasil pelbagai siri perbincangan, rundingan dan mesyuarat yang melibatkan pelbagai pihak selama bertahun-tahun bagi mencari jalan penyelesaian yang dapat diterima semua pihak. Pendekatan berasaskan konsensus inilah yang akhirnya membolehkan satu penyelesaian yang adil dan mampan dicapai.
6. Penyelesaian yang dicapai hari ini berasaskan beberapa prinsip utama yang dipersetujui bersama:
 - Penduduk Rumah Panjang Bukit Kiara menerima rumah ganti yang telah lama dijanjikan;
 - Pembangunan dihadkan kepada kawasan seluas 5.76 ekar sahaja;
 - Baki tanah diserahkan semula kepada Kerajaan untuk diwartakan sebagai Kawasan Lapang Awam;
 - Rumah ganti dibangunkan dan disiapkan terlebih dahulu bagi membolehkan penduduk berpindah terus ke kediaman baharu tanpa perlu melalui penempatan sementara;
 - Audit bersama melibatkan DBKL, FOBK dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dilaksanakan bagi memastikan pengurusan, pemeliharaan dan perlindungan pokok-pokok di kawasan pembangunan;
 - Tapak kuil sedia ada dikekalkan dan dizonkan secara rasmi sebagai Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI); dan
 - Jumlah lot tempat letak kereta untuk Taman Rimba Kiara bertambah daripada 80 ke 150 lot.

7. Saya juga ingin merakamkan penghargaan khusus kepada wakil rumah panjang saudara Sivakumar Muniandy yang telah bersama saya memperjuangkan penyelesaian isu ini selama 8 tahun. Ketika pelbagai cabaran dan tekanan dihadapi, beliau kekal konsisten mempertahankan prinsip bahawa penduduk Rumah Panjang Bukit Kiara berhak mendapat perumahan yang bimaruah dan Taman Rimba Kiara perlu terus dipelihara untuk generasi akan datang.
8. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memainkan peranan dalam perjalanan panjang ini. Isu ini telah melalui penelitian dan semakan pelbagai institusi negara daripada legislatif melalui prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) kepada badan kehakiman yang mendengar dan memutuskan perkara ini sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan, sebelum akhirnya Kerajaan MADANI di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengambil keputusan untuk melaksanakan penyelesaian dan menunaikan komitmen kepada penduduk Rumah Panjang Bukit Kiara. Terima kasih juga kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ybhg. Datuk Seri TPr. Fadlun Mak Ujud kerana membantu mempercepatkan proses kelulusan Kebenaran Merancang ke atas pembangunan Rumah Panjang Bukit Kiara mengikut perundangan sedia ada.
9. Penyelesaian yang dicapai hari ini membuktikan bahawa pembangunan bandar tidak semestinya berlaku dengan mengorbankan kepentingan komuniti atau alam sekitar. Sebaliknya, dengan komitmen, kesabaran dan kerjasama semua pihak, keseimbangan antara pembangunan, pemuliharaan dan keadilan sosial boleh dicapai.
10. Selepas 44 tahun, penyelesaian yang suatu ketika dahulu dianggap mustahil akhirnya berjaya direalisasikan.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

